



## Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia

Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>, Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>, Novel Lyndon<sup>1</sup>, Viknesh a/l Ramachandran<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutuan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Fuad Mat Jali (email: fuad@ukm.my)

### Abstrak

Sokongan kaum India, khususnya belia terhadap MIC (*Malaysian Indian Congres*) dikatakan kian merosot. MIC tidak lagi relevan sebagai parti yang mewakili masyarakat India seperti yang dibuktikan dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12, 2008, majoriti calonnya tewas. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kajian ini melibatkan 150 orang pelajar India dari tiga buah universiti awam, iaitu UKM, UPM dan UM. Berdasarkan kaji selidik dan pemerhatian, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan belia India IPTA masih menyokong BN, namun mereka mahukan isu-isu penting dalam masyarakat India iaitu isu pendidikan di sekolah Tamil, pemberian biasiswa, isu kuota, isu agama dan isu sosioekonomi diselesaikan oleh kepemimpinan MIC sebaiknya. Mereka juga melayari laman web untuk mendapatkan maklumat politik terkini dan memilih calon yang mempunyai karisma atau ketokohan, kelayakan akademik yang tinggi dan calon muda serta parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi manusia, anti rasuah; memperjuangkan isu alam sekitar. Majoriti belia India IPTA akan memilih MIC dan BN sebagai parti politik mereka dalam PRU ke-13 jika parti tersebut lebih proaktif dalam menangani isu yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Belia India IPTA juga menyatakan hanya MIC yang dapat memperjuangkan hak kaum India dan mereka juga menjangkakan BN akan terus menang dalam PRU akan datang.

**Katakunci:** belia India IPTA, masyarakat India, persepsi politik, pilihan raya umum, sokongan, status sosioekonomi

## Political perception of Indian youths in Malaysia's public higher learning institutions

### Abstract

Indian ethnic support, particularly the youth, for MIC (*Malaysian Indian Congres*) is said to have been increasingly declining. MIC is no longer relevant as the party that represents the Indian ethnic as shown in the 12nd General Elections (GE) 2008 whereby majority of its candidates defeated. The present article examines the political perception of Indian youths in institutions of higher learning (IPTA). The study involved 150 Indian students from three public universities in Klang Valley, namely UKM, UPM and UM. Based on data obtained through a questionnaire survey and observations, result of the study showed that most respondents still support BN. However they wanted that the important issues faced by the Indian community in Malaysia such as education in Tamil schools, scholarship awards, the quota, religion and socio-economic levels of the Indians in general, be resolved by the MIC leadership. The majority of the respondents would continue to choose MIC and BN as their political party in the next 13th General Election if the party was more proactive in addressing these issues. The Indian youths also noted that only the MIC can champion the rights of Indians and agreed to support the MIC and they also predicted that BN will win in the next general election.

**Keywords:** general election, Indian community, Indian youth in IPTA, political perceptions, socioeconomic status, support

## Pengenalan

Kuasa dan suara belia amat besar pengaruhnya. Sejarah membuktikan bahawa dalam menuntut kemerdekaan, generasi muda terdahulu berjaya meningkatkan semangat nasionalisme dalam menuntut kemerdekaan daripada penjajahan British. Suara dan pendapat perjuangan generasi muda yang lahir daripada golongan cendiakawan mampu didengari oleh rakyat. Di Malaysia, penglibatan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi dalam politik negara diharamkan semenjak kerajaan memperkenalkan AUKU pada awal tahun 1970-an. Keadaan ini telah membantutkan hak-hak demokrasi mahasiswa untuk secara terbuka membincangkan, menyertai atau melibatkan diri dalam politik negara. Seperti di kebanyakan negara, suara mahasiswa dari kampus di Malaysia juga menandakan ledakan suara yang menuntut perubahan dan reformasi ke arah pembentukan masyarakat dan negara yang lebih baik, adil dan demokratik. Ini merupakan suara progresif dari golongan mahasiswa. Idealisme mahasiswa demikian cenderung menyebabkan aktivisme mereka menjadi kontroversi dan tidak mendapat sokongan kerajaan. Natijah daripada pendekatan perjuangan mereka mungkin bersifat agresif. Oleh itu kerajaan di sesetengah negara menganggap ledakan suara mahasiswa perlu didengar dan diambil perhatian seterusnya ada tindak susul. Radikalisme mahasiswa pada peringkat awal yang dipengaruhi oleh elemen sosialisme telah memperlihatkan sikap prihatin terhadap isu politik negara, sehingga memaksa kerajaan mengekang kebangkitan mahasiswa pada waktu itu. Penggubalan AUKU telah memberi kesan yang mendalam kepada gerakan mahasiswa. Namun, selepas zaman akta, gerakan mahasiswa yang berorientasikan Islam telah melonjakkan diri mereka, sehingga mengatasi kepopularan gerakan mahasiswa yang beraliran sosialis. Penglibatan mahasiswa dalam politik dapat dilihat dari dua dimensi, iaitu penglibatan dalam politik kampus (pilihan raya/pemilihan kampus melalui label kumpulan tertentu seperti proaspiras universiti yang dilihat *pro-establishment* dengan pentadbiran universiti; dan promahasiswa yang dilihat *anti-establishment* dengan pentadbiran universiti untuk memilih Majlis Perwakilan Pelajar (MPP); dan politik kepartian (penglibatan dalam politik nasional yang mempunyai kaitan dengan parti politik negara dan pilihan raya umum negara). Penglibatan belia India dalam politik iaitu melalui Putera MIC sejak kebelakangan ini mendapat perhatian dari semua pihak. Belia India telah mula menunjukkan taring mereka dengan pertubuhan HINDRAF mahupun MIC bagi mendapatkan hak-hak orang India yang sepatutnya dirasai oleh seluruh kaum India yang menjadi perintis kepada generasi belia India pada masa kini. Mahasiswa kini giat turun padang bagi meneroka jalan politik baru bagi generasi akan datang dengan harapan membawa pembaharuan kepada kaum India di negara ini

Pada masa kini mahasiswa dari pelbagai lapisan giat memperjuangkan isu politik negara. Ini menunjukkan tahap kecaknaan mahasiswa yang tinggi terhadap isu di sekeliling. Asas permulaan kepada sesebuah kerajaan yang demokratik ialah penglibatan warganegaranya. Melalui penglibatan rakyat dalam pentadbiran negara rakyat yang memilih diwakili. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua warga untuk menyedari peri pentingnya hak mereka untuk memilih wakil rakyat dilaksanakan. Belia IPT prihatin dengan suasana politik dan pentadbiran negara. Mereka juga sedar yang penglibatan mereka dalam menentukan masa depan negara adalah kritikal demi kesejahteraan semua. Justeru, adalah menjadi tujuan artikel ini untuk menganalisis politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

## Metodologi dan kawasan kajian

Data kajian ini diperoleh daripada sumber primer dan sekunder. Data primer diperolehi melalui kaji selidik. Kaji selidik di lapangan dijalankan di tiga buah universiti awam (IPTA) di sekitar Lembah Kelang, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaya. Seramai 150 mahasiswa/wi etnik India yang merupakan pengundi berdaftar di IPTA (setiap universiti 50 orang responden) berumur 21 tahun ke atas telah dipilih secara rawak bersistematis sebagai

responden. Jumlah responden yang dikaji di setiap IPTA masing-masing terdiri daripada responden perempuan (78 peratus) dan 28 peratus responden lelaki.

Satu set soal selidik telah digunakan semasa kaji selidik. Kaji selidik bertujuan untuk memperolehi pendapat mereka tentang latar belakang demografi, sumber maklumat politik, pemilihan calon dan parti yang mereka sokong dan jangkaan responden tentang parti yang boleh menang dalam pilihan raya umum yang akan datang.

Ketiga-tiga IPTA yang dipilih dalam kajian ini terletak di Lembah Klang. Komposisi etnik India di IPTA tersebut umumnya berkadar dengan populasi etnik India di seluruh negara. Bilangannya juga cukup signifikan. Lagipun, ketiga-tiga IPTA tersebut merupakan antara universiti tertua, terbesar, dan terunggul di Malaysia. Sebagai institusi yang bertaraf Universiti Penyelidikan, kemasukan ke IPTA tersebut cukup terkawal dan kompetitif. Para pelajar yang berada di universiti penyelidikan umumnya boleh dikatakan sebagai antara pelajar yang terbaik di Malaysia, termasuk pelajar etnik Indianya.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan pada 18 Mei 1970 memulakan operasi pertamanya di Lembah Pantai Kuala Lumpur. Kumpulan pertama pelajar prasiswazah seramai 192 orang dan dua (2) orang pascasiswa mula mendaftar di tiga buah fakulti iaitu Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Fakulti Pengajian Islam. Universiti ini terus berkembang pesat sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam terkehadapan yang kini mempunyai tiga belas (13) fakulti dan enam belas (16) institut kecemerlangan penyelidikan. Kampus UKM di Bangi dengan keluasan 1096.26 hektar memulakan operasinya pada tahun 1977. UKM juga mempunyai entiti yang beroperasi secara komersil, iaitu UKM Holdings Sdn. Bhd. dan UKM Technology Sdn Bhd sebagai satu pendekatan dalam mengkomersilkan dan memasyarakatkan kepakaran yang dimiliki di samping menjana kewangan universiti. Sepanjang 42 tahun penubuhannya, UKM telah menghasilkan 146,362 orang graduan dengan statistik pelajar luar negara seramai 2,937 orang daripada 42 buah negara seluruh dunia. Kini, UKM tampil dengan citra baru melalui garis tanda "Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan". Garis tanda ini memberi keyakinan kepada warganya untuk mengembangkan bakat yang dimiliki, tempat memupuk kebolehan, labuhan untuk berkarya dan berjaya dalam karyaan tersebut, kerana di sini mereka disediakan dengan prasarana untuk memiliki masa depan yang gemilang.

UPM pula bermula dengan Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1931 yang memberi tumpuan dan penekanan kepada bidang pertanian di Tanah Melayu. John Scott, Pegawai Pentadbir Kerajaan negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi 'Ex-Officio' Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada masa itu, merupakan orang yang bertanggungjawab mengasaskan penubuhan Sekolah Pertanian yang berkeluasan 8.8 hektar di kawasan Serdang, Selangor. Sekolah ini bertujuan menyediakan pegawai-pegawai bagi Jabatan Pertanian telah beroperasi selama 10 tahun sehinggalah Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union telah mengisyiharkan bahawa Sekolah Pertanian tersebut dinaik taraf menjadi Kolej Pertanian Malaya pada 23 Jun 1947. Bermula dengan naik taraf ini, kecemerlangan kolej semakin mendapat perhatian sehingga timbul cadangan untuk menaikkan taraf kolej ini menjadi sebuah universiti. Namun, hasrat ini tertangguh berikutan meletusnya darurat pada pertengahan tahun 1948.

Universiti Malaya atau UM ialah universiti tertua di Malaysia, terletak di sebuah kampus yang berkeluasan 750 ekar (309 hektar) di barat daya Kuala Lumpur iaitu ibu negara Malaysia. Ia ditubuhkan pada April 1949 di Singapura berikutkan penggabungan Kolej Perubatan King Edward VII (ditubuhkan pada 1905) dengan Kolej Raffles (ditubuhkan pada 1928). Universiti Malaya mendapat namanya dari istilah 'Malaya' yang kemudiannya menjadi nama negara. Suruhanjaya Carr-Saunders, yang mengesyorkan penubuhan universiti ini, dalam laporannya pada 1948 mengatakan: "Universiti Malaya buat pertama kalinya akan menyediakan sebuah pusat umum di mana pelbagai kaum, agama dan ekonomi dapat bercampur gaul dalam usaha untuk menyatupadukan masyarakat". Pembangunan Universiti yang sangat pesat pada abad pertama penubuhannya menyebabkan pelaksanaan pembahagian dua Divisyen berautonomi pada 1959 iaitu satu terletak di Singapura dan satu lagi di Kuala Lumpur. Dalam tahun 1960, kerajaan bagi kedua-dua kawasan menyatakan keinginan untuk mengubah status Divisyen kepada universiti nasional. Permohonan ini diluluskan pada 1961 dan tertubuhlah Universiti Malaya pada 1 Januari 1962.

## Kajian lepas

Sehingga kini, tidak terdapat kajian yang berkaitan dengan politik belia India IPTA di Malaysia. Namun terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan persepsi dan tingkah laku belia serta pelajar dan masyarakat India dalam politik. Generasi muda telah dipengaruhi oleh unsur-unsur materialistik dan tidak berpegang kepada nilai-nilai yang baik. Ini adalah satu kemusnahan sosiobudaya masyarakat kita dan juga dalam kalangan pelajar/mahasiswa yang dianggap sebagai pewaris kepimpinan masa depan (Muhammad Abu Bakar, 1973). Pelajar aktif dalam aktiviti ko-kurikulum namun mereka bimbang terhadap suasana kehidupan kampus dan masalah masyarakat persekitarannya. Penyertaan dalam pilihan raya kampus boleh dijadikan sebagai pengalaman yang bermanfaat bagi persediaan pelajar untuk hidup sebagai warganegara dewasa yang matang (Mohd Fuad et al., 2005; Ramírez et al., 2010; Ruitenberg et al., 2010). Pelajar berperanan penting dalam memberi idea kepada pembangunan negara dan menentukan struktur politik negara (Saha & Print, 2010). Aktivisme pelajar memberi sumbangan penting kepada perjuangan untuk menuntut demokrasi di Zimbabwe dan dibimbing oleh pemerintah di negara tersebut (Zelig, 2008). Personaliti pelajar mempengaruhi aspek tingkah laku politik mereka seterusnya memberi kesan kepada senario politik di sesebuah negara (Baranowski & Weir, 2010). Pengenalan format televisyen bukan berita seperti ceramah TV dan rancangan realiti boleh menjadi sumber penting kepada wacana politik dan penglibatan politik dalam kalangan pelajar (Mondak & Halperin, 2008).

Pelajar perubatan di Amerika Syarikat lebih cenderung untuk bersikap liberal dalam politik berbanding orang dewasa kerana mereka berfikiran subjektif dan rasional dalam menilai sesuatu isu politik (Frank et al., 2007; Dunsmore & Lagos, 2008). Di Bangladesh, kegiatan politik pelajar mempunyai kesan serius ke atas pengurusan institusi, sistem pendidikan, pembangunan negara dan perniagaan negara (Alam, 2003; Alam et al., 2011). Di Korea Selatan, pelajar yang radikal membentuk organisasi sayap kiri yang berkecenderungan untuk menyertai aktiviti protes sehingga mempengaruhi keputusan kerajaan dalam sesuatu polisi negara (Aie, 1997). Faktor latar belakang sosial memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah aktivisme politik pelajar dan dikritik oleh orang awam dan oleh pelajar sendiri kerana ia menyumbang kepada ideologi revolusioner dan beberapa episod keganasan (Zaman et al., 2010). Selain itu, pelajar bukan sahaja dapat mengubah tingkah laku politik kampus tetapi juga mampu menumbangkan kerajaan (Altbach, 1968; Azizan, 1995). Gerakan politik pelajar kampus juga boleh menggugat kesejahteraan sosial dan keselamatan (Mohd Fuad et al., 2009).

Kesedaran dan perlakuan politik dalam kalangan mahasiswa di 11 IPT (UKM, UM, UPM, UiTM, UIA, USM, UTM, UPSI UUM, UMS dan UNIMAS) telah dilakukan oleh Mohd Fuad et. al (2005; 2009). Beliau mendapati bahawa tahap minat politik di kalangan Belia IPT adalah rendah dan hanya 27.2 peratus yang mendaftar sebagai pengundi. Mereka lebih kerap menghadiri ceramah politik di luar kampus yang berhaluan kiri. Mereka juga mempunyai aspirasi mahukan kerajaan lebih prihatin terhadap kebajikan mereka, mewujudkan lebih banyak pekerjaan, memberikan lebih kebebasan bersuara dan membasmikan gejala rasuah. Pada hakikatnya, belia IPT mempunyai tiga permintaan asas, iaitu mereka mahukan suara mereka didengar, peranan mereka diiktiraf dan isu mereka ditangani dengan cara yang adil dan menguntungkan kepada belia (Saifuddin, 2008). Keaktifan belia berpolitik dalam pilihan raya dapat dikesan melalui cara dan gaya mereka terlibat dalam berkempen, keghairahan menzahirkan sokongan serta agresifnya mereka dalam menggerakkan jentera parti politik. Trend pengundian belia dikatakan amat signifikan dalam membantu kemenangan sesebuah parti politik. Namun fitrah belia yang inginkan idealism mereka diketengahkan kurang mendapat perhatian parti politik yang memerintah. Ini menyebabkan mereka mengalihkan pandangan dan memungkinkan mereka memberi sokongan kepada pihak pembangkang.

Viknesh (2009) dalam kajian tahap persepsi dan partisipasi politik golongan masyarakat India di N33 DUN Port Dickson dan N35 DUN Gemencheh, Negeri Sembilan mendapati bahawa persepsi dan partisipasi mereka terhadap politik adalah tinggi. Ini adalah kerana kesan daripada pengaruh persekitaran seperti tahap pendidikan, senario politik semasa dan isu semasa membentuk pola tingkah laku serta persepsi politik mereka. Junaidi et al. (2011) mendapati kepemimpinan negeri Sarawak dan penunaian keperluan pengundi muda menjadi faktor penting kepada pola pengundian dalam PRU DUN Sarawak 2011. Sarjit et al. (2011) dalam kajian belia minoriti mendapati mereka

masih lagi cenderung memilih dan memberi kepercayaan kepada BN sebagai parti pemerintah di peringkat pusat dan negeri. Namun, belia etnik Baba Nyonya memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat (PR). Secara keseluruhannya, belia minoriti masih menerima agenda pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat/BN. Syarifah Nor Aishah dan Amer Saifude (2011) mendapat majoriti golongan muda/belia Terengganu berminat melibatkan diri dalam politik. Sebahagian besar mereka mengambil berat tentang isu-isu semasa hari ini dan mereka mempunyai kesedaran dan berkecenderungan dalam politik. Golongan muda juga faham akan tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia. Latar belakang keluarga, keperibadian, tahap akademik dan pengalaman dalam bidang politik diutamakan oleh golongan muda untuk memilih pemimpin mereka. Golongan muda di Terengganu juga berpuas hati dengan cara dan corak pentadbiran pihak Kerajaan Persekutuan.

Junaidi dan Mohd Fuad (2011), dalam kajian tentang keperluan belia dan pendapat politik di Kawasan Parlimen Muar, Johor mendapat bahawa dari aspek ekonomi, belia di kawasan tersebut inginkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka di samping tingkat upah/gaji yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa. Bagi aspek sosial pula, mereka menuntut supaya kemudahan jalur lebar/internet diperluaskan di samping memperbanyak aktiviti yang bersesuaian dengan jiwa belia seperti aktiviti sukan dan rekreasi. Aspek pendidikan pula perlu diperbanyakkan pusat kemahiran serta pemberian biasiswa kepada pelajar yang layak dan memerlukan, seterusnya bagi aspek politik mereka berharap agar perlunya pemimpin yang jujur, bersih, amanah dan mementingkan rakyat/pengundi di samping perlu diberi lebih ruang kepada mereka untuk berpolitik seterusnya menyuarakan pandangan mereka tentang politik semasa. Dari sudut alam sekitar pula, mereka menyarankan pihak berkuasa agar menggerakkan aktiviti gotong royong dalam kalangan masyarakat setempat di samping mencantikkan landskap persekitaran agar lebih segar dan ceria. Kajian tersebut juga mendapat bahawa para belia di Kawasan Parlimen Muar cenderung untuk memberi sokongan BN, 66.8 peratus di peringkat DUN dan 67.6 peratus di peringkat Parlimen.

Mohd Fuad et al. (2012) dalam kajian tentang politik pembangunan dalam pilihan raya kecil DUN Batang Air, Sarawak mendapat 88.6 peratus responden belia/muda menyatakan BN akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding PKR 3.6 peratus. Setelah pilihan raya kecil diadakan, hasilnya dimenangi BN dengan majoriti yang bertambah lebih sekali ganda iaitu dari 806 undi kepada 1,854 undi dan ini membuktikan sentimen politik pembangunan terus kekal di kawasan tersebut kerana pembangunan hanya dapat dijalankan dengan memilih parti yang memerintah sesbuah negeri. Kajian Junaidi et al. (2012a) pula mendapat responden yang terdiri daripada belia memilih calon yang berjiwa dan mesra rakyat, diikuti personaliti kepimpinan yang baik, jujur dan amanah serta tidak mengamalkan rasuah. Bagi parti politik pula, mereka akan memilih parti yang memperjuangkan ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti-rasuah serta yang mampu membawa pembangunan dan membasihi kemiskinan. Junaidi et al. (2012b) dalam kajian di kawasan Parlimen Muar dan Kluang, Johor mendapat bahawa penggunaan internet dalam kalangan belia agak menggalakkan dengan 54.0 peratus (Kluang) dan 33.7 peratus (Muar). Internet digunakan untuk mendapat maklumat politik. Walau bagaimanapun, pencarian maklumat politik berbeza mengikut latar belakang pendidikan, peringkat umur, etnik, jantina, pendapatan, pekerjaan dan lokasi keterbandaran. Kesan penggunaan internet juga mempengaruhi keputusan dan sokongan serta memberi impak yang signifikan dalam pilihan raya umum 2008 terutamanya dalam kalangan pengundi muda di kawasan bandar dan ini seterusnya bakal mempengaruhi pola pengundian dalam pilihan raya umum akan datang.

## **Hasil kajian dan perbincangan**

### *Latar belakang responden*

Kesemua responden yang dikaji selidik berumur antara 21 hingga 26 tahun. Sebahagian besar daripada mereka tinggal di dalam kampus/kolej kediaman di universiti masing-masing. Tahun pengajian prasiswazah yang pertama mencatatkan peratusan yang tertinggi berbanding tahun pengajian yang lain iaitu sebanyak 35 peratus. Tahun pengajian yang keempat mencatatkan peratusan yang terendah iaitu hanya 5.3 peratus sahaja. Dari segi negeri asal responden, sebanyak 24 peratus

berasal dari negeri Selangor, 22 peratus dari Negeri Sembilan, negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masing-masing mencatatkan hanya 1.3 peratus sahaja.

#### *Sumber maklumat politik*

Sumber maklumat politik yang sering menjadi pilihan utama responden ialah internet dan blog iaitu sebanyak 79.3 peratus, diikuti rakan sebaya dan sistem pesanan ringkas (SMS) iaitu masing-masing 75.3 peratus, berbanding hanya 5.3 peratus sahaja daripada majalah tempatan dan guru/pensyarah yang merupakan peratusan yang terendah bagi sumber maklumat politik. Peratusan yang agak kecil adalah kerana responden meragui kebolehpercayaan sumber maklumat tersebut. Kemudahan internet yang disediakan oleh pihak universiti amat penting kepada mahasiswa untuk memudahkan mereka melayari internet serta mendapat maklumat politik. Di samping itu, penggunaan telefon (SMS) sangat popular dalam kalangan mahasiswa untuk mendapatkan maklumat politik. Rakan sebaya juga sangat mempengaruhi mereka dalam mendapatkan sumber maklumat politik.

Laman web yang sering menjadi rujukan dalam menambah pengetahuan responden tentang politik semasa adalah Malaysiakini.com dan Agenda Daily dengan peratusan pelayar laman web ini adalah masing-masing 76.7 peratus, manakala laman web Berita Harian.com juga mendapat perhatian dan dikunjungi oleh belia India IPTA iaitu 34.7 peratus. Daripada 35 laman web yang disenaraikan, hanya tiga laman web ini sahaja yang dilayari oleh mahasiswa belia India. Hal ini kerana mahasiswa yang berada di Lembah Klang lebih mudah melayari laman web tersebut untuk mendapat maklumat terkini tentang perkembangan politik semasa di samping maklumat yang disampaikan adalah mudah difahami serta diselitkan dengan visual dan audio yang menarik dan tidak bias kepada mana-mana pihak. Responden mempunyai pelbagai tugas untuk mencari maklumat di samping mengikuti perkembangan semasa dengan melayari internet supaya dapat menjadi mahasiswa yang berpengetahuan, *up to date* dan berkaliber.

#### *Pendapat politik*

Berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan, 55.3 peratus responden masih belum mendaftar walaupun telah cukup umur. Antara alasan yang diberikan oleh mereka ialah kerana menyangka mereka belum cukup umur pengundi. Mereka juga tiada masa dan tidak berkesempatan untuk mendaftar. Malah ramai yang tidak berminat dan tidak mahu melibatkan diri dalam politik. Ada di antara responden berpendapat bahawa politik adalah kotor dan tidak sesuai untuk mereka. Terdapat juga responden yang tidak pasti dengan pendaftaran sebagai pengundi dan mereka juga tidak tahu cara untuk menyemak pendaftarannya.

Selanjutnya, sebanyak 40 peratus daripada 150 orang responden mengakui bahawa mereka mengenali Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan mereka. Ini menunjukkan bahawa kurang dari separuh, mahasiswa India IPTA tidak mengambil tahu tentang isu politik semasa mahupun isu tempatan di kawasan mereka. Peratusan ini juga menunjukkan responden tidak kenal dengan wakil rakyat mereka. Ini mungkin disebabkan mereka sendiri yang tidak mengambil tahu atau kerana faktor pemimpin tersebut tidak turun padang menemui para pengundi mereka.

Bagi kawasan Parlimen, mahasiswa India didapati juga kurang mengenali ahli parlimen mereka iaitu dengan peratusan sebanyak 66 peratus berbanding dengan hanya 34 peratus yang mengenali pemimpin mereka. Majoriti belia India IPTA tidak mengenali ahli parlimen di kawasan mereka disebabkan oleh faktor-faktor seperti ahli parlimen yang sememangnya tidak dekat dihati rakyat, pemimpin yang jarang muncul dalam media massa, dan juga disebabkan pemimpin mereka tidak memegang jawatan di dalam kabinet kerajaan. Selain itu juga belia India IPTA lebih mengenal wakil rakyat yang berbangsa India berbanding dengan bangsa lain walaupun wakil rakyat tersebut daripada parti pembangkang.

Kriteria pemimpin yang menjadi pilihan utama responden ialah pemimpin yang mempunyai ketokohan, kelayakan akademik yang tinggi dan calon muda (46.7 peratus). Kriteria pemimpin yang seterusnya yang mendapat sokongan ialah pemimpin yang jujur dan amanah dan pengetahuan agama yang mendalam (37.3 peratus). Ini diikuti dengan kriteria pemimpin yang berjiwa dan mesra rakyat serta turun padang dan calon tempatan (10.7 peratus). Manakala kriteria pemimpin yang bersih dan

tidak rasuah adalah yang paling sedikit menjadi pilihan belia India IPTA (5.3 peratus). Kebanyakan responden yang ditemui mengharapkan pemimpin yang dipilih dapat menjalankan tanggungjawab dengan amanah dan jujur. Hal ini kerana sifat amanah dan jujur adalah sifat yang penting yang perlu ada dalam setiap diri pemimpin. Dengan adanya sifat amanah dan jujur ini, maka segala urusan yang diamanahkan akan dapat dijalankan dengan lancar tanpa ada sebarang penipuan dan penyalahgunaan kuasa. Selain itu responden cenderung memilih calon yang muda dan anak tempatan. Keadaan ini mungkin kesan pahit daripada kepimpinan MIC, iaitu seseorang memegang jawatan yang lama sehingga muncul gerakan menentang dan anti kepada pemimpin tersebut. Mereka menuntut supaya pemimpin tersebut berundur daripada MIC seperti yang berlaku terhadap bekas presiden MIC.

#### *Ciri parti politik yang disokong*

Analisis yang dibuat terhadap persoalan ciri parti politik yang dipilih dalam pilihan raya mendapati bahawa sebanyak 46.7 peratus responden menyatakan memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi manusia, anti rasuah; memperjuangkan isu alam sekitar. Daripada kajian yang telah dilakukan didapati parti politik dipilih adalah berasaskan kepada parti yang memperjuangkan isu-isu semasa dalam negara seperti isu hak asasi manusia. Isu kecuaian pihak polis sehingga berlaku kematian suspek yang berbangsa India dalam tahanan polis; dan tindakan pihak berkuasa yang tidak adil terhadap demonstran BERSIH semasa dan selepas membuat perhimpunan di seluruh negara juga menarik perhatian belia India IPTA. Bagi isu alam sekitar pula, mahasiswa belia India juga didapati terpengaruh dengan perkembangan terkini iaitu isu Lynas di Pahang yang memperlihatkan bantahan rakyat terhadap pembinaan kilang yang bakal beroperasi untuk melupuskan sisa bahan buangan terjadual yang dilihat boleh mengancam kesihatan dan nyawa penduduk berdekatan dengan kilang tersebut tersebut (Rujuk Jadual 1).

**Jadual 1. Ciri parti politik yang disokong**

Kriteria parti yang disokong	Setuju (%)
Memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia, anti rasuah)	46.7
Mampu memelihara agama & bangsa	37.3
Mampu memacu pembangunan & membasmikan kemiskinan	10.7
Memelihara perpaduan kaum	25.3
Mempunyai calon yang berwibawa, bersih & pendidikan tinggi	5.3
Dapat menuaikan janji	46.6
Mempunyai trek rekod yang baik	37.3
Memperjuangkan isu alam sekitar	46.7

#### *Persepsi politik*

Dari segi pandangan responden mengenai isu politik semasa, data pada Jadual 2 menunjukkan majoriti responden (76.6 peratus) menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan 80.7 peratus menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan. Seterusnya, 76.6 peratus responden menyatakan gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia (Lihat Jadual 2). Namun, Kerajaan perlu mengurangkan kadar jenayah, menaikkan imej polis serta mengurangkan kadar rasuah di negara ini. Mereka juga berpendapat pihak Pakatan Rakyat perlu mengubah pendekatan politik mereka kepada berdiplomasi, rasional dan lebih mengutamakan keamanan, perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

**Jadual 2. Persetujuan pendapat politik, transformasi kerajaan dan isu semasa**

Pernyataan	Setuju (%)
Belia India IPTA menyokong program kerajaan untuk memantapkan agenda pembangunan belia negara	76.6
Saya menilai semula apa yang disampaikan dalam kempen pilihan raya parti-parti politik	71.3
<b>“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”</b> disokong dan dihayati oleh Belia India IPTA	76.6
Pembangunan di kawasan tempat tinggal anda memuaskan hati anda	57.4
Keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan dan pandangan belia India IPTA menyebabkan mereka menyokong Kerajaan	52.0
Maklumat dari Internet/blog/facebook mempengaruhi kecenderungan politik belia India IPTA	70.0
Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dapat memfokuskan usaha Kerajaan untuk memantapkan pembangunan negara	72.7
Kerajaan pusat berjaya mengawal kenaikan harga barang (inflasi)	59.3
Model Ekonomi Baru ( <b>MBE</b> ) dapat memacu ekonomi negara untuk mencapai Wawasan 2020	84.6
Program Transformasi Kerajaan ( <b>PTK/GTP</b> ) dapat mempercekapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam	82.0
Program Transformasi Ekonomi ( <b>PTE/ETP</b> ) dapat memperkuuhkan ekonomi rakyat dan Kerajaan	88.0
Indeks Petunjuk Prestasi ( <b>KPI</b> ) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik & mempengaruhi sokongan rakyat kepada Kerajaan	80.7
Rancangan Malaysia Kesepuluh ( <b>RM10: 2011-2015</b> ) dapat memakmurkan ekonomi rakyat dan mewujudkan keadilan sosial	80.0
Kadar jenayah pada peringkat negara berjaya dikurangkan dengan banyak	37.3
Tahap kepercayaan kepada polis semakin tinggi	34.6
Kerajaan berjaya mengurangkan kadar rasuah	35.4
Kerajaan berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam	63.4
BR1M berjaya membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah	55.3
Kerajaan pusat prihatin terhadap kebajikan pelajar sekolah, kolej dan universiti. (yuran sekolah percuma, wang RM100 dan baucer buku)	54.0
PTPTN perlu dimansuhkan	46.7
Kedai Rakyat 1Malaysia meringankan beban pengguna berpendapatan rendah	72.6
Hubungan antara kaum dan agama semakin baik dengan pelaksanaan gagasan 1Malaysia	58.0
Kerajaan berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam	63.4
Penyediaan infrastruktur perumahan di kawasan luar bandar bertambah baik	42.0
Program 6P (program pemutihan) berjaya menguruskan masalah pendatang tanpa izin	76.6
Isu Lynas akan menyebabkan Kerajaan Pusat tidak popular	52.0
Isu perhimpunan BERSIH ditangani dengan baik oleh Kerajaan Pusat	44.7
Pemansuhan ISA merupakan satu langkah yang bijak dan menggambarkan keterbukaan Kerajaan Pusat	55.3
Kajian semula Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 mencerminkan suasana demokrasi terjamin di negara ini	52.0
Isu Hudud akan menyebabkan Pakatan Rakyat kehilangan sokongan pengundi	50.7
Negeri-negeri yang diperintah Pakatan Rakyat wajar mengadakan pilihan raya berasingan	46.0
Perebutan kerusi dalam pembahagian kawasan pilihan raya antara parti dalam Pakatan Rakyat menunjukkan mereka lebih pentingkan kuasa parti masing-masing sahaja	56.7

Responden juga berpendapat pihak Kerajaan Pusat perlu serius menangani permasalahan masyarakat India di Malaysia meskipun mereka hanya masyarakat terkecil antara tiga kaum terbesar di negara ini. Perkara yang berkaitan dengan pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan hak mereka di negara ini perlu diambil perhatian oleh Kerajaan untuk mengelak kejadian himpunan HINDRAF yang menyebabkan pengundi kaum India bertindak mengundi selain BN seterusnya menyebabkan BN tewas di kesemua kawasan majoriti kaum India dalam PRU 2008 yang lalu (Lihat Jadual 3).

**Jadual 3. Persetujuan mengenai isu dan permasalahan yang berkaitan dengan masyarakat India**

Pernyataan	(%)
Isu peruntukan pendidikan di sekolah Tamil mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak Kerajaan Pusat	51.4
Belia India IPTA berpuas hati dengan kuota/peluang pelajar India dalam melanjutkan pelajaran di IPTA	41.4
Pemberian biasiswa di IPTA kepada mahasiswa India adalah berpatutan	36.0
Kepemimpinan MIC sekarang adalah mantap dan dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat India	30.0
Taraf hidup masyarakat India kini semakin meningkat	41.4
Program latihan kemahiran industri kumpulan belia India perlu ditingkatkan	69.4
Peluang pekerjaan masyarakat India dalam perkhidmatan Kerajaan sudah memadai	41.3
Peluang perniagaan kepada masyarakat India perlu ditingkatkan	62.7
Peluang untuk masyarakat India mendapat saham perlu dibuka lebih luas	62.7
Masalah sosial dan jenayah kaum India ditangani Kerajaan dengan baik	38.6
Isu pembinaan dan perobohan kuil perlu ditangani dengan baik dan berdiplomasi	69.4
Isu tuntutan gerakan Hindu Right Action Force (HINDRAF) perlu diambil perhatian oleh Kerajaan	51.4
Isu kad pengenalan merah di kalangan masyarakat India perlu diselesaikan dengan baik dan efisien	69.4

*Jangkaan kemenangan*

Majoriti belia India IPTA (77 peratus) menjangka Barisan Nasional (BN) akan memenangi PRU Ke13 peringkat Nasional. Manakala hanya sebahagian kecil (23 peratus) responden menjangka Pakatan Rakyat (PR) akan memenangi PRU Ke-13 bagi peringkat Nasional. Usaha transformasi yang dilakukan kerajaan BN dilihat mendapat perhatian dan pujian rakyat. Rata-rata responden juga memilih BN kerana mereka menganggap parti tersebut telah mempunyai rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. BN sudah berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan. Namun bagi sebahagian responden, mereka tidak pasti parti mana yang akan menang dalam pilihan raya tersebut. Menurut mereka kempen dan isu yang didebatkan oleh kedua-dua belah pihak BN dan PR adalah sama kuat dan penting.

Di peringkat negeri pula, kebanyakan responden (50.7 peratus) mengatakan Barisan Nasional (BN) dijangka akan nemenangi PRU di kesemua negeri termasuk di empat buah negeri yang kini dikuasai oleh Pakatan Rakyat (PR); manakala sebahagian lagi responden (49.3 peratus) menyatakan bahawa Pakatan Rakyat (PR) dijangka akan memenangi PRU ke-13 di semua negeri. iaitu perbezaan hanya 1.4 peratus sahaja. Bagi peringkat negeri, persaingan antara BN dengan Pakatan Rakyat adalah cukup sengit dan keputusan kelihatan tidak menentu. Walaupun kini sebanyak empat buah negeri dikuasai oleh Pakatan Rakyat iaitu negeri Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan namun tampak pemerintahan negeri-negeri tersebut boleh berubah pada masa pilihan raya akan datang. Sama ada BN atau Pakatan Rakyat akan kehilangan negeri yang sedang ditadbir, bergantung kepada isu semasa, pembangunan serta keperluan rakyat dipenuhi dan kepimpinan yang sedia ada.

**Kesimpulan**

Mahasiswa di IPT adalah merujuk kepada segolongan individu pelajar yang sedang mengikuti satu proses pendidikan yang tersusun dan terancang seperti di universiti, institut, kolej, akademi ataupun politeknik manakala istilah politik pula adalah menyentuh urusan yang berkaitan pemerintahan negara yang mencakupi aspek seperti kekuasaan, ekonomi dan sosial. Kegiatan politik mahasiswa di IPT boleh dilihat dari pelbagai sudut kerana politik bukan hanya memfokus terhadap urusan hal ehwal pemerintahan negara semata-mata malahan meliputi sesuatu yang lebih luas sehingga pengurusan diri serta kecintaan kepada negara itu juga termasuk di dalam urusan politik. Justeru dapatkan kajian ini

menunjukkan bahawa politik belia India IPTA masih bersifat *pro-establishment*. Bagaimanapun tidak sampai 45 peratus belia India di IPTA telah mendaftar sebagai pemilih. Ini menunjukkan bahawa partisipasi politik mereka masih di tahap agak rendah. Walaupun majoriti mereka menyokong parti yang memerintah di pusat namun berdasarkan persepsi politik mereka dapat dikesan bahawa ramai belia India di IPTA kurang berpuas hati dengan kepimpinan MIC pada masa ini. Kebebasan mengakses maklumat politik dari internet seterusnya membolehkan mereka menilai setiap isu yang berlaku dengan rasional. Mereka juga bersikap kritikal terhadap isu semasa, transformasi kerajaan serta kedudukan masyarakat India di negara ini.

## Rujukan

- Abdul Halim Sidek, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Khaidzir Ismail (2010) Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kes Pilihan Raya Kecil 2009 Bukit Selambau, Kedah. *Jurnal Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space* 6 (3), 46-56.
- Aie RL (1997) Exploration of the sources of student activism: The case of South Korea. *International Journal of Public Opinion Research* 9 (1), 48-65.
- Alam GM (2003) *The impact of students' involvement in party politics on higher education in national development in Bangladesh*. The International University Press, Missouri, USA.
- Alam GH, Rabby TG, Boon TI, Khan I, Hoque KE (2011) National development and student politics in Bangladesh. *African Journal of Business Management* 5 (15), 6044-6057.
- Altbach PG (1968) *Students politics in Bombay*. Asia Publishing House, London.
- Altbach PG (1981) *Students Politics*. The Scare Crow Press, London.
- Azizan Bahari (1995) *Pergerakan belia: Persoalan dan cabaran*. Institut Kajian Dasar, Kuala Lumpur.
- Azizan Bahari (1995) *Belia dan masyarakat*. Institut Kajian Dasar, Kuala Lumpur.
- Baranowski M, Weir K (2010) Power and polities in the classroom: The effect of student roles in simulations. *Journal of Political Science Education* 6 (3), 217-226.
- Dunsmore K, Lagos TG (2008) Politics, media and youth: Understanding political socialization via video production in secondary schools. *Learning, Media and Technology* 33 (1), 1-10.
- Frank E, Carrera J, Dharamsi S (2007) Political self-characterization of U.S. medical students. *Journal of General Internal Medicine* 22 (4), 514-517.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok (2011) Pola pengundian mengikut etnik dalam Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak 2011. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011*. Tempat dan anjuran Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali (2012a) Kriteria pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Jurnal Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space* 8 (4), 44-55.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali (2012b) Impak akses internet terhadap partisipasi politik. *The 8th International Malaysian Studies Conference (MSC8)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Institut Kajian Oksidental dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali, Rashila Ramli, Mohd Yusof Kassim (2005) Minat, aspirasi dan pilihan politik belia IPT Malaysia. In: Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Hj. Abdullah, Rozmi Ismail (eds) *Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti Generasi Muda Melangkah Ke Hadapan*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Abdul Halim Sidek, Khaidzir Ismail (2009) Minat, aspirasi dan sokongan politik belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* 1 (6), 99-116.
- Mondak JJ, Halperin KD (2008) A framework for the study of personality and political behaviour. *British Journal of Political Science* 38 (2), 335-362.
- Muhammad Abu Bakar (1973) *Mahasiswa menggugat*. Penerbit Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
- Ramírez LG, Martínez JC, Sánchez FA (2010) Politics and youth in university life: A case study [Política y juventud en la vida universitaria: Un estudio de caso]. *Utopia y Praxis Latinoamericana* 15 (50), 71-90.
- Ruitenberg CW (2010) Queer politics in schools: A Rancièrean reading. *Educational Philosophy and Theory* 42 (5-6), 618-634.
- Saha LJ, Print M (2010) Student school elections and political engagement: A cradle of democracy?. *International Journal of Educational Research* 49 (1), 22-32.
- Saifuddin Abdullah (2008) *Politik baru mematangkan demokrasi Malaysia*. Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sarjit S. Gill, Jayum A. Jawan, Nobaya Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Ma'rof Redzuan, Haslinda Abdullah, Lee Yok Fee, Charanjit Kaur, Mohd Roslan Rosnon, Mohd Razali Harun (2011) Persepsi dan penerimaan belia minoriti terhadap parti pemerintah. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November.
- Syarifah Nor Aishah Syed Mahadzar, Amer Saifude Ghazali (2011) Kelompok muda dalam ruang politik negara: Satu kajian awal di Terengganu. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang Dan Alam Sekitar*. Hotel Vistana, Pulau Pinang. Anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 16-17 November.
- Viknesh Ramachandran (2009) Pola perlakuan politik dikalangan masyarakat India: Satu kajian kes di DUN Gemencheh dan DUN Port Dickson (Latihan Ilmiah). Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zaman Q, Atif M, Shah H, Ayub G, Farooq M (2010) Key factors which cause the anxiety among the university students: A case study based on an event happened in Peshawar Campus. *European Journal of Social Sciences* 16 (1), 87-96.
- Zeilig L (2008) Student politics and activism in Zimbabwe: The frustrated transition. *Journal of Asian and African Studies* 43 (2), 215-237.